

DITERBITKAN OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Tunas

Pembentuk Generasi Berkoperasi

GAGASAN



EDISI 02/2024



IKBK' 24:
JANA BAKAT KEUSAHAWANAN
DAN KEPIMPINAN BELIA
DALAM SEKTOR KOPERASI

Detachpro Coverall
Koperasi KKT
Kemaman Berhad

Pasta Sagu
Koperasi KV Bintulu Berhad

DARI MEJA PENGARANG



Nor Azam bin Md Salleh

Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Berkoperasi kepada para pembaca yang budiman,

Menjana Koperasi, Membangun Komuniti

Alhamdulillah, dengan rasa syukur ke hadrat-Nya, kami dapat menerbitkan edisi terbaharu Majalah Tunas Gagasan Edisi 2 tahun 2024 untuk tatapan semua, khususnya gerakan koperasi, golongan belia dan pelajar sekolah yang sentiasa menjadi tunjang harapan pembinaan masa depan negara yang gemilang melalui wadah gerakan koperasi. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan edisi ini. Tanpa usaha dan komitmen mereka, majalah ini tidak mungkin dapat diterbitkan.

Sebagaimana semua maklum, penerbitan majalah kali ini merupakan sebuah usaha yang berterusan dalam memperkenalkan koperasi sebagai sarana yang seimbang dalam mewujudkan barisan kepimpinan yang mempunyai karakter seperti berdaya saing, kreatif, inovatif dan berwibawa di samping mempunyai nilai-nilai koperasi dalam diri mereka.

Kepada para pelajar dan belia, saya mencadangkan untuk terus meneroka dan mendalami dunia koperasi yang kalian anggotai. Jadikan artikel-artikel yang terkandung di dalam majalah ini sebagai panduan dan inspirasi untuk meningkatkan prestasi koperasi masing-masing. Sudah tiba waktunya kita tidak hanya terlibat sebagai pembaca, tetapi sebagai pemain utama yang cuba mengaplikasikan apa yang dibaca ke dalam tindakan agar ia mampu memberi impak yang berkesan kepada koperasi yang dianggotai.

Harapan saya agar majalah ini dapat membangkitkan minat membaca dan mendorong pembaca untuk terus menjana idea kreatif dan inovatif demi gerakan koperasi. Dengannya, kita mampu memberi manfaat bukan sahaja kepada diri kita, tetapi juga kepada komuniti.

Selamat membaca!

Kandungan

MEJA PENGARANG & KANDUNGAN

2 | Menjana Koperasi,
Membangun Komuniti

PERUTUSAN

3 | Menggembleng Kreativiti dan Inovasi
Belia: Koperasi Wadah
Keusahawanan Masa Depan Negara

RENCANA UTAMA

4-5 | IKBK'24: Jana Bakat Keusahawanan
dan Kepimpinan Belia dalam Sektor
Koperasi

INOVASI

6-7 | Inovasi Koperasi KKTMM Kemaman
Berhad: Pakaian Perlindungan
Diri (*Detachpro Coverall*)

8-9 | Inovasi Koperasi KVB Berhad: Pasta
Metroxylon Sagu (*Sagood*)

10-11 | Inovasi Koperasi KV(P)TI Berhad: Kopi
Sogem Alternatif Minuman
Kopi di Malaysia

INSPIRASI

12-13 | Koperasi MRSM Gemencheh Berhad:
Perintis Budaya Keusahawanan Pelajar

14-15 | Transformasi Koperasi MRSM
Pengkalan Hulu: Dari Dobi ke Pelbagai
Perkhidmatan

Pembentuk Generasi Berkoperasi
Tunas
GAGASAN

MAJALAH TUNAS COOP
EDISI 02/2024

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YBhg. Datuk Rusli bin Jaafar

**KETUA EDITOR / PENERUSI JAWATANKUASA
PENERBITAN**

Nor Azam bin Md Salleh
Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi

EDITOR

Mohd Firdaus bin Shaari
Noor Azura binti Maslan
Arif Asyraf bin Mohammed Khalim
Syamsul Safarin bin Mohd Ali
Sharifah Nurrasyidah binti Syed Abdul Razak
Mohd Affandy bin Amir
Norhaslinda binti Isa

EDARAN DAN PENERBITAN

Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



Menggembleng Kreativiti dan Inovasi Belia: Koperasi Wadah Keusahawanan Masa Depan Negara

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Berkoperasi buat semua.

Pertama-tama, marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita berpeluang untuk menyaksikan penerbitan Majalah Tunas Gagasan Edisi 2 bagi Tahun 2024. Umum mengetahui bahawa gerakan koperasi bukan sahaja menjadi pemacu kepada pembangunan sosioekonomi negara, malah ia menjadi wadah penting dalam melahirkan individu yang berdaya saing, kreatif, inovatif, berwibawa serta berprinsip. Dalam ledakan arus Revolusi Industri 4.0 ini, penggembleran daya kreativiti serta inovasi dalam kalangan belia dan pelajar sekolah amat penting demi memastikan koperasi kekal relevan pada masa hadapan.

Seiring dengan perubahan teknologi dan landskap ekonomi yang kian dinamik, golongan muda khususnya belia dan pelajar sekolah wajar didedahkan dengan peluang dan pengalaman keusahawanan bersama koperasi. Mereka adalah modal insan yang bernilai tinggi dalam membawa pemikiran dan kaedah yang segar yang mampu memacu koperasi ke tahap yang lebih tinggi. Justeru itu, kita perlu menggerakkan usaha dengan lebih bersepadu dan proaktif untuk menggalakkan mereka menyertai dan menyumbang dalam aktiviti koperasi, tidak hanya sebagai anggota tetapi juga sebagai pemimpin masa depan.

Inisiatif pemeraksanaan belia melalui koperasi adalah langkah permulaan yang penting dalam membina sebuah ekosistem yang dapat merangsang kreativiti dan inovasi mereka. Antara usaha baik yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) dalam menyokong hasrat tersebut adalah melalui program yang berkonsepkan pertandingan seperti Inovasi Keusahawanan Belia Koperasi (IKBK) dan Asas Keusahawanan Koperasi Sekolah (AKSI) yang diadakan secara dwitahunan. Program-program seperti ini bukan sahaja dapat meningkatkan daya saing belia dan pelajar, malah memberi mereka peluang untuk mempelajari pengurusan koperasi secara praktikal, sekaligus menanamkan semangat keusahawanan sejak usia muda.

Kerjasama erat antara pihak Suruhanjaya dengan pelbagai pihak seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan agensi berkaitan seperti Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan SIRIM Berhad amatlah penting dalam menjayakan inisiatif ini. Dengan pelaksanaan program yang bersepadu, kita mampu membentuk generasi muda yang bukan sahaja mahir dari segi teknikal, tetapi juga memiliki nilai-nilai koperasi seperti solidariti, keadilan sosial dan tanggungjawab terhadap komuniti.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam memastikan bahawa koperasi terus menjadi landasan untuk belia dan pelajar sekolah meluahkan kreativiti dan inovasi mereka. Marilah kita berusaha menjadikan koperasi sebagai gerakan yang mampu menyediakan peluang pekerjaan serta mampu menjanjikan masa depan yang lebih baik untuk generasi muda kita. Dengan usaha ini, saya yakin gerakan koperasi di Malaysia akan terus berkembang maju, berdaya saing dan memberi manfaat besar kepada masyarakat serta negara secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B)

Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia

IKBK' 24: Jana Bakat Keusahawanan dan Kepimpinan Belia dalam Sektor Koperasi

Siti Linaliyana binti Alauddin & Nurazlinna binti Norman

Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi
Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Golongan belia dianggap sebagai aset penting dalam pembangunan negara kerana mereka adalah generasi yang akan mewarisi kepimpinan dan tanggungjawab masyarakat pada masa hadapan. Penglibatan belia dalam gerakan koperasi hingga kini dilihat masih lagi ditahap kurang memberangsangkan. Kurang kefahaman mengenai gerakan koperasi menjadi faktor utama kurangnya penyertaan belia dalam koperasi. Dalam meniti arus kemajuan semasa, gerakan koperasi sebenarnya memerlukan tenaga golongan muda dengan idea-idea baharu supaya sentiasa relevan dengan perkembangan sosioekonomi negara.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah melaksanakan inisiatif dengan mewujudkan Program Inovasi Keusahawanan Belia Koperasi 2024 (IKBK'24) untuk mencungkil bakat keusahawanan, pembangunan modal insan serta membentuk generasi baharu pemimpin koperasi dalam kalangan belia. Program ini selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) dan Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) yang mensasarkan golongan belia dalam sebarang program berkait dengan koperasi.

Pelaksanaan IKBK'24 peringkat kebangsaan ini julung kali diadakan pada 29 hingga 30 Oktober 2024 di Dewan Perdana, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Program yang berlangsung selama 2 hari ini telah dirasmikan oleh YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B), Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Program yang berkonsepkan pertandingan usahawan ini telah menonjolkan bakat kreatif dan inovatif golongan belia dalam membangunkan produk atau perkhidmatan sedia ada di



Aksi daripada peserta-peserta yang mewakili Koperasi Kolej Kemahiran Tinggi Mara Kemaman Berhad ketika membentangkan projek pakaian keselamatan - *Detachpro Coverall*.



Barisan juri pertandingan yang terdiri dari En. Mazdhee bin Mohamad dari Bank Rakyat, En. Mohd Faiz bin Mohammed Yunus dari SME Corp Malaysia dan Pn. Norasiah binti Harun dari INSKEN.



Koperasi Kolej Kemahiran Tinggi Mara Kemaman Berhad telah dinobatkan Johan pertandingan Program Inovasi Keusahawanan Belia Koperasi (IKBK) Tahun 2024.

dalam koperasi melalui pengembangan idea inovasi baharu.

Penonjolan sisi kreatif dan inovatif para belia dalam program ini banyak

disokong oleh pelaksanaan mekanisme yang diperkenalkan oleh Program IKBK'24. Mekanisme ini memberi penekanan mengenai proses untuk



Pemenang tempat ketiga pertandingan, Koperasi Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan Berhad bergambar kenangan bersama YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B), Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) - (lima dari kiri).



Koperasi Kolej Vokasional Bintulu Berhad diumumkan pemenang tempat kedua Anugerah Projek Terbaik dengan projek yang diketengahkan -Pasta Metroxylon Sagu.



Reaksi gembira daripada para pemenang bersama hadirin yang turut hadir pada upacara penutup Majlis IKBK'2024 yang telah dilaksanakan dengan jayanya di Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 30 Oktober lalu.

menjadi usahawan dalam kalangan peserta dengan menilai sejauh mana setiap kumpulan mampu melaksanakan serta menjayakan rancangan perniagaan koperasi. Proses saringan dan penilaian oleh barisan juri yang profesional dan berpengalaman yang terdiri daripada Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), SME Corporation Malaysia (SME Corp) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat).

IKBK'24 edisi sulung ini telah menobatkan Koperasi Kolej Kemahiran Tinggi MARA Kemaman Berhad

sebagai juara bagi Anugerah Projek Terbaik dengan memperkenalkan projek Pakaian Perlindungan Diri (Personal Protective Equipment - PPE) yang unik yang dinamakan sebagai Detachpro Coverall. Manakala, naib johan bagi Anugerah Projek Terbaik bagi Program IKBK'24 adalah Koperasi Kolej Vokasional Bintulu Berhad dengan projek pasta yang dicipta daripada sagu yang dinamakan sebagai Pasta Metroxylon Sagu. Akhir sekali, tempat ketiga disandang oleh Koperasi Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan Berhad dengan projek

Penglibatan golongan belia sangat signifikan sebagai penyumbang dalam pembangunan sosioekonomi negara dan mencapai misi DaKoM 2030.

myTALBINAH Coffee iaitu minuman kopi probiotik yang diperbuat daripada bijirin jenis sorghum dan susu santan sawit. Anugerah Projek Terbaik bagi tempat pertama membawa pulang wang tunai sebanyak RM10,000.00, tempat kedua pula RM7,000.00 manakala tempat ketiga sebanyak RM5,000.00.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Program IKBK'24 ini mampu memberi impak kepada keterlibatan golongan belia dalam gerakan koperasi dengan meningkatkan penghasilan produk baharu dan memberi nilai tambah kepada perniagaan sedia ada koperasi. Koperasi juga boleh menjadikan platform ini sebagai peluang untuk membangunkan kapasiti belia agar dapat melahirkan bakat keusahawanan yang mempunyai nilai-nilai koperasi dalam kalangan belia yang merupakan anggota koperasi. Penglibatan golongan belia sangat signifikan sebagai penyumbang dalam pembangunan sosioekonomi negara dan mencapai misi DaKoM 2030.

Sebanyak 7 koperasi daripada 15 koperasi yang telah berjaya melepasi sesi saringan dan penilaian Program IKBK'24 Peringkat Kebangsaan:

i. Koperasi Kolej Vokasional Bintulu Berhad;

Koperasi Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan Berhad;

ii.

iii. Koperasi Siswa Universiti Teknologi Mara Selangor Berhad;

Koperasi Kolej Kemahiran Tinggi MARA Kemaman Berhad;

iv.

v. Koperasi Alumni UNIMAP Berhad;

Koperasi Kolej Profesional MARA Indera Mahkota Kuantan Berhad; dan

vi.

vii. Koperasi Kolej Vokasional Muar Berhad.

Inovasi Koperasi KKTM Kemaman Berhad: Pakaian Perlindungan Diri (*Detachpro Coverall*)

Siti Linaliyana binti Alauddin

Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi
Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Koperasi Kolej Kemahiran Tinggi Mara Kemaman Berhad yang beroperasi di dalam Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Kemaman, Terengganu telah didaftarkan pada 13 Jun 2011. Koperasi ini menjalankan aktiviti perniagaan dalam sektor perkhidmatan dan peruncitan yang menyediakan perkhidmatannya kepada pelajar, kakitangan dan komuniti setempat. Antara aktiviti perniagaan yang dijalankan adalah kedai runcit (K-Mart), bilik pameran uniform (K-Student) dan perkhidmatan dobi (K-Laundry).

Untuk mengembangkan aktiviti perniagaannya, Koperasi KKTM Kemaman Berhad telah menghasilkan

produk inovasi baharu iaitu Produk Detachpro Coverall yang merupakan Pakaian Perlindungan Diri (*Personal Protective Equipment* – PPE). Pakaian perlindungan diri ini mempunyai rekaan inovasi yang menggabungkan ciri keselamatan dengan gabungan elemen inovasi yang memberi keselesaan kepada penggunanya. Perbezaan rekaan pakaian perlindungan diri ini dengan yang sedia ada di pasaran adalah rekaan inovasi Detachpro Coverall ini mempunyai ciri-ciri khas di mana coverall tersebut boleh dipisahkan dan dicantumkan semula (*2 pieces coverall*). Detachpro Coverall diciptakan khas untuk memberikan keselesaan serta memenuhi keperluan semasa para

pengguna. Secara tidak langsung, produk inovasi ini dapat mengatasi isu kesukaran kepada pengguna yang perlu untuk menanggalkan keseluruhan pakaian pada waktu rehat, semasa di dalam tandas dan mengurangkan risiko kerosakan yang disebabkan oleh faktor haus dan lusuh sepanjang penggunaan pakaian perlindungan diri jenis sekali sarung (*one piece*).

Di samping itu juga, ciri keselamatan pakaian perlindungan diri ini masih mematuhi piawaian keselamatan yang telah ditetapkan. Sasaran pasaran produk inovasi ini memberi fokus kepada industri-industri ringan dan sederhana pembuatan serta bengkel baik pulih kenderaan yang merupakan pengguna pakaian perlindungan diri



Pengerusi SKM menyampaikan trofi, sijil penghargaan dan cek cura berjumlah RM10,000 kepada Koperasi KKTM Kemaman Berhad dengan projek inovasi PPE dengan jenama Detachpro Coverall.



Para peserta membentangkan kelebihan Detachpro Coverall kepada panel juri.



Saudara Ahmad Faizuddin bin Mohd Farisham (Pelajar Program Mekanikal) pemilik asal idea Projek Inovasi Detachpro Coverall.



Peserta bergambar bersama Encik Saffuan Fathi bin Md Shuhaimi Penolong Pengarah Kanan, SKM Cawangan Negeri Terengganu (tiga dari kanan).



Peserta menunjukkan produk inovasi Detachpro Coverall (2 pieces PPE).

semasa melaksanakan proses kerja. Idea dan penghasilan produk inovasi ini teretus daripada sekumpulan empat orang belia yang dianggotai oleh Muhammad bin Ahmad Farid, Harith Irfan bin Ridzuan, Nur Amalia Aziema binti Ahmad, Ameera Nor Syahnaaz binti Azmizam dengan bimbingan Pensyarah dari KKTm Kemaman, Ir. Mohd Hanafi bin Mohd Esa.

Daya inovasi dan kreativiti yang ditonjolkan melalui produk Detachpro Coverall ciptaan Koperasi KKTm Kemaman Berhad ini telah berjaya dinobatkan sebagai Johan dalam pertandingan Program Inovasi Belia Koperasi Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan. Semoga produk ini menjadi sumber inspirasi kepada koperasi-koperasi belia dalam negara untuk menterjemahkan idea keusahawanan ke dalam tindakan agar koperasi mampu mencipta produk dan perkhidmatan yang bermutu tinggi.

Inovasi Koperasi KV Bintulu Berhad: Pasta Metroxylon Sagu (Sagood)

Nurazlinna binti Norman

Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi
Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Sagu atau nama saintifiknya *Metroxylon sagu* merupakan kanji yang boleh didapati daripada pokok sagu. Pokok sagu adalah satu tumbuhan yang boleh ditemui di kawasan tropika termasuk di Sarawak, Sabah dan beberapa kawasan lain di Asia Tenggara. Menyedari hakikat itu, Koperasi Kolej Vokasional Bintulu Berhad (KKVB Berhad) telah mengambil kesempatan untuk menginovasikan sagu sebagai satu produk makanan yang berkhasiat iaitu pasta.

Pasta sagu adalah gabungan unik makanan tradisional tempatan dengan konsep makanan barat. Hal ini merupakan usaha dan strategi KKVB Berhad untuk mempromosikan penggunaan tepung sagu dengan lebih meluas sehingga ke peringkat antarabangsa dengan mengasosiasikan ia dengan masakan barat. Mereka berusaha memperkenalkan produk alternatif pasta bebas gluten yang lebih sihat kepada rakyat Malaysia. Lebih membanggakan, produk pasta sagu ini dihasilkan oleh sekumpulan pelajar Kolej Vokasional Bintulu iaitu Alexander Ester, Nur Nadira Syuhadah, Sylvlisa January, Graciela Tinggau dan dibimbing oleh Puan Jessica Mong. Produk inovasi ini telah memenangi Naib Johan dalam Anugerah Projek Terbaik 2024 dalam Program Inovasi Keusahawanan Belia Koperasi 2024 (IKBK'24) anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Pasta sagu adalah gabungan unik makanan tradisional tempatan dengan konsep makanan barat.



"Setiap gigitan, menyemarakkan selera" merupakan *tagline* yang diketengahkan oleh Koperasi KV Bintulu Berhad bagi memasarkan pasta sagu berjenama SAGOOD.




Pengerusi SKM menyampaikan trofi, sijil penghargaan dan cek curi berjumlah RM7,000 kepada Koperasi KV Bintulu Berhad dengan produk inovasi pasta sagu dengan jenama SAGOOD.



Salah seorang ahli kumpulan mengenakan pakaian tradisional Sarawak semasa sesi pembentangan.



Peserta sedang menyiapkan prop sebelum sesi pembentangan Pertandingan Peringkat Akhir IKBK'24.



Sesi pembentangan produk inovasi KKVB semasa pertandingan peringkat akhir IKBK'24 di Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia.



Ahli kumpulan bergambar kenang-kenangan bersama Encik Firdaus Fadzil, Ketua Penolong Pengarah, SKM Cawangan Negeri Sarawak (tiga dari kanan).

Usaha pelajar dan Ahli Lembaga Koperasi mengambil peluang keemasan ini untuk menghasilkan produk inovasi patut dicontohi oleh semua pihak khususnya golongan belia.

Pasta Metroxylon Sagu dengan jenama SAGOOD dijual pada harga RM7 setiap bungkusan ini mampu menjadi saingan yang kompetitif kepada produk bebas gluten yang berada di pasaran. KKVB merancang untuk memasarkan pasta ini di COOPMart koperasi sendiri, di pasaraya serta mempromosikannya melalui medium atas talian seperti KV Mall, Lazada dan Shopee untuk mencapai pasaran yang lebih meluas.

Keunikkan sagu menjadi satu kelebihan kepada Koperasi Kolej Vokasional Bintulu Berhad. Usaha pelajar dan Ahli Lembaga Koperasi mengambil peluang keemasan ini untuk menghasilkan produk inovasi patut dicontohi oleh semua pihak khususnya golongan belia. Benarlah kata pepatah, "hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih". Semoga kejayaan yang ditonjolkan oleh KKVB Berhad dapat memberi motivasi dan semangat kepada belia diluar sana untuk mencuba hal-hal baharu dan memperluas kreativiti supaya dapat menghasilkan produk yang inovatif di masa akan datang.

Inovasi Koperasi KV(P)Teluk Intan Berhad: Kopi Sogem Alternatif Minuman Kopi di Malaysia



Arif Asyraf bin Mohammed Khalim
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Koperasi Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan Berhad (KV(P) TI) didaftarkan pada 1 September 1983 telah memulakan aktiviti perniagaannya dalam sektor peruncitan dan perbekalan. Antara barangan keperluan harian pelajar yang dijual di premis koperasi adalah alat tulis, perkhidmatan cetakan dan fotostat, perkhidmatan dobi, membekalkan keperluan pelajar asrama dan agen BSN. Seramai 1154 orang telah menjadi anggota koperasi sehingga tahun 2024.

Pada masa kini, minuman kopi telah menjadi antara minuman pilihan utama dalam kalangan belia. Fenomena kemunculan kafe-kafe hipster yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan di tanah air telah menyemarakkan motivasi dalam diri empat orang usahawan belia daripada KV(P)TI untuk menceburi perniagaan dalam industri minuman kopi. Mereka adalah Adam Naufal bin Jaafar, Alia Maisarah binti Norazman, Nur Hasya Haziyah binti Mohd Harizal dan Yeachiehneey a/p Kunasilan dengan bimbingan Cikgu Ts. Mohd Rosnizam bin Mohd Yusoff. Mereka telah bekerjasama menghasilkan minuman kopi berjenama myTALBINAH Coffee.



Ahli kumpulan bersama guru bimbingan Cikgu Ts. Mohd Rosnizam bin Mohd Yusoff (dua dari kiri) di pentas akhir pertandingan IKBK'24.

Pada masa kini,
minuman kopi telah
menjadi antara
minuman pilihan
utama dalam
kalangan belia.



Reaksi peserta membentangkan produk inovasi semasa pertandingan akhir IKBK'24.



Para peserta berbincang bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh panel juri selepas sesi pembentangan.



Peserta menunjukkan bijirin sorghum yang digunakan sebagai nilai tambah ke atas produk kopi yang dipasarkan.



Pengerusi SKM menyampaikan trofi, sijil penghargaan dan cek curi berjumlah RM5,000 kepada Koperasi Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan Berhad dengan produk kopi probiotik rendah kafein serta bernutrisi tinggi yang diperbuat daripada bijirin.

Ia adalah sebuah produk minuman kopi yang diformulasikan dengan probiotik, rendah kafein serta bernutrisi tinggi yang diperbuat daripada bijirin jenis sorghum dan susu santan sawit. Ternyata myTALBINAH Coffee merupakan alternatif pilihan yang lebih baik daripada minuman kopi jenama lain yang berada dalam pasaran Malaysia.

Meskipun projek ini bermula dengan modal permulaan serendah RM17,500, namun produk ini telah berjaya mencatatkan jualan yang amat memberangsangkan berjumlah RM102,000 selama tempoh 4 bulan iaitu sekitar bulan Jun sehingga September 2024.

Kejayaan KV (P) TI dalam memperkenalkan produk minuman kopi inovatif merupakan contoh terbaik bagaimana golongan belia, dengan sokongan dan bimbingan yang tepat, mampu mencipta peluang perniagaan yang mampu memberi impak positif kepada koperasi dan masyarakat. Kejayaan empat usahawan muda ini bukan sahaja membuktikan potensi besar yang ada dalam kalangan belia, tetapi juga menonjolkan bagaimana koperasi boleh dimanfaatkan sebagai platform untuk menggalakkan semangat keusahawanan dan memupuk nilai kerjasama, keberanian serta keazaman dalam kalangan generasi muda.

KV (P) TI telah mendapat Anugerah Projek Terbaik tempat ketiga semasa Pertandingan Akhir Peringkat Kebangsaan Program Inovasi Keusahawanan Belia Koperasi 2024 (IKBK'24) baru-baru ini dengan projek myTALBINAH Coffee.

Koperasi MRSM Gemencheh Berhad:

Perintis Budaya Kesusahawanan Pelajar

Mohamad Amiruddin bin Rusli

Penolong Pegawai EHWal Ekonomi,
SKM Cawangan Negeri Sembilan

Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) ditubuhkan selaras dengan matlamat dan keperluan negara untuk memberi kemudahan pelajaran pada peringkat menengah dalam bidang sains dan teknologi kepada pelajar-pelajar bumiputera yang pintar cerdas, mempunyai kebolehan akademik dan intelektual yang tinggi untuk mengembangkan potensi diri mereka. Pada tahun 2007, MRSM Gemencheh telah ditubuhkan dan satu-satunya MRSM yang berada di Daerah Tampin. Oleh yang demikian, tercetusnya idea daripada para guru untuk menubuhkan Koperasi MRSM Gemencheh Berhad.

Pada awal penubuhannya koperasi mempunyai dua buah premis iaitu dobi yang terletak di bangunan asrama dan aspuri, dan sebuah premis kedai runcit. Kini, Koperasi MRSM Gemencheh Berhad yang diterajui oleh Encik Mohd

Hazly bin Ab Kadir sebagai Pengerusi telah berjaya meningkatkan ekonomi serta pendapatan koperasi selain pelbagai kejayaan yang telah dikecapi. Antara aktiviti perniagaan yang dijalankan termasuklah peruncitan, perkhidmatan, pembekalan barangan pejabat, dan juga kafeteria. Kini, pihak koperasi mempunyai sebuah pejabat operasi, dua buah premis kedai runcit, dua buah premis dobi harian dan juga sebuah premis kafeteria.

Sepanjang penubuhannya, Koperasi MRSM Gemencheh Berhad menerima Geran Bantuan Pembangunan Koperasi di bawah Program TRANSFER berjumlah RM70,000.00 daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi menjalankan perkhidmatan dobi di MRSM Gemencheh. Bantuan tersebut telah digunakan bagi membeli mesin pengering sebanyak 10 unit. Penerimaan geran tersebut telah melonjakkan lagi pendapatan Koperasi sehingga memperoleh pendapatan melebihi RM1.194 juta bagi tahun

2023. Selain daripada geran bantuan TRANSFER, pihak koperasi juga telah mendapat pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMPSKM) sebanyak RM100 ribu bagi melaksanakan projek percetakan buku modul pada tahun 2021. Pihak Koperasi telah dilantik oleh pengurusan MRSM Gemencheh untuk mencetak buku modul bagi semua subjek pelajaran di maktab tersebut. Pihak Koperasi juga telah mencetak dan menerbitkan modul bagi subjek Reka Bentuk Dan Teknologi bagi tingkatan satu sehingga tingkatan tiga. Modul yang telah dikeluarkan oleh pihak Koperasi MRSM Gemencheh Berhad tersebut telah dipasarkan bagi kegunaan sekolah di sekitarnya dan juga MRSM di seluruh Malaysia.

Pelbagai pencapaian yang telah dicapai oleh Koperasi MRSM Gemencheh Berhad bagi sepanjang tahun 2021 hingga 2024 atas kerjasama yang erat di antara pihak SKM Wilayah Tampin / Rembau dan koperasi. Antara kejayaan



EDSI 2

Koperasi juga telah dianugerahkan sebagai koperasi terbaik sektor sekolah bagi tahun 2023 peringkat Negeri Sembilan.



Koperasi MRSM Gemencheh Berhad juga telah mendapat pembiayaan sebanyak RM100 ribu daripada SKM bagi menjalankan projek percetakan buku modul pada tahun 2021.



Wakil koperasi juga telah menerima Anugerah Ikon Muda Koperator Sekolah Terbaik 2023 Peringkat Kebangsaan.



Koperasi MRSM Gemencheh Berhad telah mendapat bantuan Program TRANSFER berjumlah RM70,000.00 daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi menjalankan perkhidmatan dobi di MRSM Gemencheh.



Koperasi MRSM Gemencheh Berhad telah dianugerahkan sebagai koperasi terbaik sektor sekolah bagi tahun 2024 peringkat Negeri Sembilan.



yang telah dicapai adalah anugerah pencapaian melebihi RM1 juta pada tahun 2022. Selain itu, pihak Koperasi juga telah dianugerahkan sebagai koperasi terbaik sektor sekolah bagi tahun 2023 dan 2024 peringkat Negeri Sembilan. Pihak Koperasi juga telah melahirkan ikon koperator peringkat kebangsaan bagi tahun 2021 dan 2022. Wakil koperasi juga telah menerima Anugerah Ikon Muda Koperator Sekolah Terbaik bagi tahun 2021 dan tempat ke-empat tahun 2022 dan 2023.

Harapan

Semangat dan kerja keras yang berterusan para anggota lembaga koperasi yang proaktif bagi meningkatkan pendapatan koperasi melalui aktiviti-aktiviti perniagaan yang memberikan impak tinggi dan manfaat kepada anggota koperasi. Justeru itu, Koperasi MRSM Gemencheh Berhad merancang untuk menceburi aktiviti perniagaan yang lain bagi memastikan koperasi bergerak seiring dengan koperasi sekolah yang lain. Di samping itu juga, Koperasi juga berharap mereka dapat membina kedai koperasi yang lebih komersial dan memberi keselesaan kepada pelanggannya setaraf dengan koperasi sekolah berjaya yang lain. Semoga segala harapan ini dapat direalisasikan dengan kerjasama yang utuh diantara SKM dan pihak Koperasi MRSM Gemencheh Berhad bagi memastikan gerakan koperasi Malaysia terus kekal relevan dan berada di persada dunia. 



Transformasi Koperasi MRSM Pengkalan Hulu: *Dari Dobi ke Pelbagai Perkhidmatan*

Mohd Saiful Abidin bin Mohd Room

Penolong Juruaudit

SKM Cawangan Negeri Perak

Ditubuhkan pada 17 Februari 2009, Koperasi Maktab Rendah Sains MARA Pengkalan Hulu Berhad memulakan operasi dengan matlamat utamanya untuk membantu dan memudahkan anggota-anggota koperasi untuk mendapatkan bekalan keperluan harian. Kini, Koperasi MRSM Pengkalan Hulu Berhad telah menyambut ulang tahun ke-15 penubuhannya. Objektif penubuhan Koperasi MRSM Pengkalan Hulu Berhad adalah berlandaskan matlamat, jati diri dan perundangan koperasi yang berupaya menyediakan persekitaran sosial yang sihat iaitu melahirkan masyarakat yang sempurna, kreatif, progresif, bertanggungjawab dan berketerampilan. Keanggotaan

koperasi pada tahun 2024 adalah seramai 793 orang dengan komposisi terdiri daripada 704 pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 5 (88.8%) dan 89

orang kakitangan MRSM Pengkalan Hulu (11.2%).

Pada awal penubuhan Koperasi MRSM Pengkalan Hulu Berhad, perkhidmatan yang disediakan adalah terhad iaitu mengfokuskan kepada perkhidmatan dobi dan kedai koperasi sahaja. Namun kini, Koperasi MRSM Pengkalan Hulu Berhad telah

meluaskan cabang perniagaan kepada perkhidmatan fotostat, 'printing', 'binding', kad telefon awam, sewaan jubah graduasi, jualan 'ready-to-eat food', menggunting rambut, mesin layan diri (vending machine), kafeteria, rumah tamu dan pengurusan kiriman bungkusan yang dipos oleh ibu bapa atau penjaga pelajar selain





mengekalkan perkhidmatan sedia ada iaitu perkhidmatan dobi dan kedai koperasi.

Dengan kekuatan 15 orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang berperanan menetapkan dasar, memantau pelaksanaan projek-projek serta aktiviti-aktiviti koperasi yang telah dikenal pasti dan dirancang serta memastikan kebajikan anggota-anggota terpelihara. Segala urusan harian koperasi dikendalikan oleh kakitangan tetap koperasi sepenuhnya yang terdiri daripada 4 orang staf yang ditugaskan untuk menguruskan kedai koperasi dan dobi. Malahan koperasi mempunyai ahli jawatankuasa yang terdiri daripada 12 orang Ahli Jawatankuasa (AJK) pelajar yang dilantik bagi membantu dalam melaksanakan segala urusan perniagaan koperasi.

Hasil daripada pengurusan yang berintegriti dan perancangan yang teliti, keuntungan koperasi meningkat dengan pertambahan perniagaan serta perkhidmatan yang dikelolakan oleh koperasi. Langkah mempelbagaikan cabang perniagaan telah memberi impak kewangan yang positif kepada koperasi dan ini telah memberikan pulangan kepada kedudukan kewangan koperasi. Berdasarkan pendapatan dan pulangan yang diperolehi, ini membolehkan Koperasi MRSM Pengkalen Hulu Berhad merealisasikan misi untuk memberikan faedah kepada setiap anggotanya. Faedah dan kemudahan yang diberikan oleh pihak koperasi kepada anggota terbahagi kepada dua kategori iaitu ekonomi dan kebajikan anggota. Ini terbukti dengan penganjuran aktiviti serta pemberian sumbangan kepada

anggota mengikut pembahagian tabung yang telah ditetapkan iaitu tabung dermasiswa, tabung pendidikan anggota, tabung wang kebajikan am, tabung wang lawatan dan pelancongan serta tabung wang pembangunan koperasi. Antara aktiviti yang diadakan adalah Hari Koperasi Sekolah, jualan murah mingguan, aktiviti jualan Persatuan Usahawan Muda, jualan semasa minggu aktiviti, Majlis Apresiasi Anggota Lembaga Koperasi, lawatan tahunan, sumbangan khairat kematian bagi anggota atau anggota keluarga anggota, dermasiswa dalam bentuk kewangan dan barang keperluan bagi pertandingan dan aktiviti akademik dan kokurikulum pelajar serta guru, penambahan kemudahan dan peralatan di koperasi serta kabin koperasi.

Berkat kesungguhan dan kerjasama yang ditunjukkan oleh semua ALK dan sokongan padu anggota, Koperasi MRSM Pengkalen Hulu Berhad telah melakar beberapa kejayaan, antaranya, berjaya mendapat hadiah saguhati sebanyak RM400 bagi Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) peringkat negeri Perak pada 2019 dan turut dinobatkan sebagai naib johan dua tahun berturut-turut bagi pertandingan yang sama yang mana Koperasi MRSM Pengkalen Hulu Berhad telah menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM700 pada 2022 dan RM800 pada 2023.

Kejayaan yang dilakar ini juga adalah dengan sokongan dan bantuan yang disalurkan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Melalui geran SKM, Koperasi MRSM Pengkalen Hulu Berhad telah memperoleh dana sebanyak RM70,000.00 bagi Projek Kabin pada tahun 2022. Projek ini diadakan bertujuan menambahkan kemudahan bagi melaksanakan perkhidmatan menggunting rambut dan pengurusan kiriman bungkusan. Selain itu, Koperasi MRSM Pengkalen Hulu Berhad juga menerima dana sejumlah RM30,000 daripada Yayasan Infaq ANGKASA bagi Projek 'Charity Parking' pada 2023. Sebanyak 10 lot parkir berbumbung telah siap dibina dan pihak koperasi telah ditawarkan perkhidmatan sewaan parkir berbumbung kepada anggota dalam kalangan guru dan kakitangan sekolah. Impian untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan koperasi ini tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa bantuan daripada pihak SKM dan Yayasan Infaq ANGKASA. Semoga kerjasama erat ini akan dapat diteruskan dan dipergiatkan lagi di masa hadapan dalam mengembangkan lagi perkhidmatan koperasi ini.



#koperasikita

TALK SHOW

Podcast

Dibawa khas oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia

PLATFORM DIGITAL
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



Laman Web Rasmi



Facebook



**SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia**

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Changkat Semantan,
Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur,
Tel: 03-2083 4000 Faks: 03-2083 4100



SuruhanjayaKoperasiMalaysia (SKM)



skm_malaysia



suruhanjayakoperasi



www.skm.gov.my



SuruhanjayaKoperasi